

31 OCT 1998

Rais - UMNO

PADAMKAN API GERAKAN REFORMASI, KATA RAIS

KANGAR, 31 Okt (Bernama) -- Bekas Menteri Penerangan, Datuk Dr Rais Yatim hari ini mengajak rakyat supaya memadamkan gerakan reformasi yang disifatkannya sebagai api yang kian marak.

"Api sudah sampai ke bumbung .. kita mesti padamkan bersama-sama," katanya semasa berucap pada majlis pemimpin bersama rakyat peringkat parlimen Kangar anjuran kerajaan negeri dan Majlis Penerangan Negeri di sini.

Veteran UMNO itu berkata, gerakan reformasi yang kononnya bertujuan membela nasib pemimpin tertentu tidak akan menguntungkan mana-mana pihak termasuk pemimpin yang mereka perjuangkan.

Rais kesal kerana ada rakyat yang sanggup memburuk-burukkan negara di beberapa negara jiran semata-mata untuk memperjuangkan kepentingan seorang pemimpin yang menjadi idola mereka.

Beliau menyifatkan golongan yang mencerca kerajaan di luar negara sebagai penderhaka dan petualang negara yang pengecut.

"Kerana seorang pemimpin, mereka sanggup meruntuhkan sesuatu yang telah dibina sejak bertahun-tahun," katanya.

Rais berkata, beliau juga pernah berselisih pendapat dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1987 tetapi ia dilakukan secara yang lebih murni.

"Ketika itu saya menulis surat dan meletak jawatan menteri. Tidak perlu memberontak atau mencaci kerajaan di luar negara," katanya.

Pelbagai acara diadakan sempena majlis sehari itu termasuk sukaneka dan pameran.

-- BERNAMA

AD oba